



**PERANAN GURU DALAM PELAKSANAAN PROGRAM VOKASIONAL
MENENGAH ATAS DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN
DI DAERAH MANJUNG**

SALRIZATUL MAWARTI BINTI MOHAMAD HAIRY



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SYARAT
PENGANUGERAHAN
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERANAN GURU DALAM PELAKSANAAN PROGRAM VOKASIONAL
MENENGAH ATAS DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN
DI DAERAH MANJUNG

No. Matrik /Matric No.: M201410002226

Saya / I : SALRIZATUL MAWARTI BINTI MOHAMAD HAIRY

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



DEDIKASI

Disertasi ini didedikasikan khusus buat arwah suami tersayang Mohamad Subri bin

Mat Noh yang telah meninggal dunia pada 19 Mei 2016 .

Buat anak-anak tercinta Nurin Irdina binti Mohamad Subri, Muhammad Nazmi bin

Mohamad Subri dan Muhammad Afeef bin Mohamad Subri.

Buat ibu Salmah binti Mohamad Ali.

Buat arwah ayah Muhamad Hairry bin Lusa.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya dan limpah kurniaNya disertasi ini berjaya disiapkan. Terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia, Dr. Mohd Asri bin Mohd Noor yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam menjayakan tesis ini. Terima kasih buat anak-anak tersayang, Nurin Irdina binti Mohd Subri, Muhammad Nazmi bin Mohd Subri dan Muhammad Afeef bin Mohd Subri yang sentiasa bersama, memahami, menyokong dan berkorban masa dalam memastikan tesis ini dapat disiapkan. Terima kasih juga kepada bonda Salmah binti Mohmad Ali atas doa dan restu. Terima kasih kepada pihak sekolah, pentadbir dan rakan sejawat yang sentiasa memberi kerjasama. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung sepanjang penyelidikan dijalankan. Tidak lupa buat arwah suami Mohamad Subri bin Mat Noh, terima kasih kerana menjadi pendorong utama, memberi restu dan sokongan untuk menghasilkan tesis ini.





ABSTRAK

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan penstrukturan semula dan menaik taraf Mata Pelajaran Vokasional (MPV) kepada Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) pada tahun 2015. Guru-guru yang dilantik sebagai tenaga pengajar merupakan guru MPV dan juga guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). Kajian bertujuan untuk mengenalpasti peranan guru dalam proses pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian. Oleh kerana PVMA merupakan program baharu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi guru dalam pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian. Kajian ini menjadikan teori Pengetahuan Isi Kandungan Pedagogi (PIKP) Shulman sebagai dasar kajian. Kajian yang dijalankan merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Seramai tujuh orang guru PVMA di daerah Manjung dipilih melalui persampelan bertujuan sebagai peserta kajian. Data dikumpul melalui temu bual, pemerhatian dan meneliti dokumen. Hasil temubual dan pemerhatian yang dijalankan, penyelidik mendapati guru PVMA mempunyai pengetahuan matlamat PVMA, pengetahuan kurikulum PVMA, pengetahuan tentang pelajar, pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi. Guru PVMA juga mempunyai kemahiran mengajar, kemahiran pemudah cara, kemahiran teknologi maklumat dan kemahiran belajar. Hasil meneliti dokumen pula, penyelidik mendapati peruntukan kewangan PVMA masih menggunakan peruntukan kewangan MPV yang menjadikan masalah kewangan adalah masalah utama dalam pelaksanaan PVMA. Kajian juga mendapati guru PVMA memainkan pelbagai peranan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran PVMA dapat dilaksanakan walaupun terdapat masalah kewangan dan bengkel. Oleh itu disarankan agar peruntukan Bantuan Geran Per Kapita (PCG) PVMA dikaji semula dan bengkel disediakan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) agar PVMA dapat berjalan dengan baik. Bersandarkan kepada dapatan kajian, guru perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan isi kandungan dan meningkatkan kemahiran amali untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran PVMA lebih berkesan. Kesimpulannya, guru memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan PVMA. Guru bukan sahaja perlu menguasai PIKP, tetapi guru juga perlu mempunyai kemahiran amali bagi membantu guru lebih berkeyakinan mengajar amali PVMA sekaligus menjadikan pengajaran lebih berkesan.





THE ROLE OF TEACHERS IN IMPLEMENTING UPPER SECONDARY VOCATIONAL PROGRAMME AT MANJUNG DISTRICT DAILY SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The Ministry of Education Malaysia has restructured and upgraded the Vocational Subject to Upper Secondary Vocational Programme (PVMA) in 2015. Vocational Subject teachers and the Intergrated Living Skills teachers have been appointed as trainers for this programme. The study is aimed to identify the role of teachers in the implementation process of PVMA in daily secondary schools. As PVMA is a new programme, this study is also aimed to identify the problems faced by the teachers in the implementation of PVMA in the secondary schools. This study has adopted Shulman's Pedagogical Content Knowledge (PCK) theory as the basis for the research. This qualitative research utilized a case study approach. Seven PVMA teachers selected through purposive sampling in the Manjung district were involved as research participants. Data were collected through interviews, observations and document reviews. Through interviews and observations, the researcher found that teachers have knowledge on PVMA goals, curriculum, students, content and pedagogy. The PVMA teachers also have teaching, facilitating, information technology and learning skills. Document reviews, found that PVMA's was still using MPV's financial allocation which makes financial problems as a key issue in the implementation of PVMA. The study also found that PVMA teachers play various roles to ensure that PVMA teaching and learning can be implemented despite financial problems and workshop conditions. It is therefore recommended that the PVMA per-capita grant is reviewed and workshops are prepared in accordance with the Department of Skills Development (JPK) standards to ensure the smooth running of PVMA. Based on the findings of the study, teachers need to constantly improve their content knowledge and practical skills to make teaching and learning PVMA more effective. In conclusion, teachers play an important role in the implementation of PVMA. Teachers not only need to master the PCK, but also need practical skills to help them become more confident in teaching PVMA and to make teaching more effective.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENYERAHAN iii

DEDIKASI iv

PENGHARGAAN v

ABSTRAK vi

ABSTRACT vii

KANDUNGAN viii

SENARAI JADUAL xvi

SENARAI RAJAH xvii

SENARAI LAMPIRAN xviii

SENARAI SINGKATAN xix

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan 1

1.1 Latar Belakang Masalah 2

1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Kerangka Teoretikal	13
1.6	Kepentingan Kajian	17
1.6.1	Guru	17
1.6.2	Pentadbiran Sekolah	18
1.6.3	Kementerian Pendidikan Malaysia	18
1.7	Batasan Kajian	19
1.8	Definisi Operasional	19
1.8.1	Guru	19
1.8.2	Peranan Guru	20
1.8.3	Pengetahuan Isi Kandungan	21
1.8.4	Pengetahuan Pedagogi	21
1.8.5	Pengetahuan Isi Kandungan Pedagogi	21
1.9	Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	24
2.1	Sejarah pendidikan Teknik dan Vokasional	25
2.2	Mata pelajaran Vokasional	27
2.3	Program Vokasional Menengah Atas	28
2.3.1	Objektif PVMA	29
2.3.2	Kurikulum PVMA	30
2.3.4	Penambahbaikan PVMA	34
2.3.5	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran PVMA	39
2.3.6	Penilaian Melalui Kaedah Sistem Pentauliahan	40
2.4	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru	42
2.5	Peranan Guru dalam Proses Pelaksanaan PVMA	45
2.5.1	Menghadiri Kursus	46
2.5.2	Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran	48
2.6	Rumusan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	53
-----	------------	----



3.1	Reka Bentuk Kajian	54
3.2	Pensampelan	55
3.3	Penyelidik Sebagai Instrumen Kajian	57
3.4	Kajian Rintis	58
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.5.1	Temu Bual Kualitatif	60
3.5.2	Pemerhatian	63
3.5.3	Analisis Dokumen	64
3.6	Triangulasi	64
3.7	Kaedah Menganalisis Data	65
3.8	Isu Etika	68
3.9	Rumusan	70



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	71
4.1	Pengetahuan dan Kemahiran Guru Terhadap Pengajaran dan Penilaian PVMA	72
4.1.1	Pengetahuan Guru	73



4.1.1.1 Pengetahuan Isi Kandungan	73
4.1.1.1.1 Guru Opsyen	74
4.1.1.1.2 Guru Bukan Opsyen	75
4.1.1.2 Pengetahuan Pedagogi	76
4.1.1.3 Pengetahuan Matlamat PVMA	78
4.1.1.4 Pengetahuan Kurikulum PVMA	79
4.1.1.5 Pengetahuan Tentang Pelajar	80
4.1.1.6 Pengetahuan Isi Kandungan Pedagogi	83
4.1.2 Kemahiran Guru	83
4.1.2.1 Kemahiran Mengajar	83
4.1.2.2 Kemahiran Pemudah Cara	86
4.1.2.3 Kemahiran Teknologi Maklumat	87
4.1.2.4 Kemahiran Belajar	88
4.2 Peranan Guru dalam Proses Pelaksanaan PVMA di Sekolah Menengah Harian	91
4.2.1 Meningkatkan Pengetahuan Isi Kandungan dan Kemahiran Amali	91
4.2.1.1 Menghadiri Kursus	92

4.2.1.2	Melakukan Percubaan Amali	94
4.3	Masalah yang Dihadapi Guru dalam Pelaksanaan PVMA di Sekolah Menengah Harian	95
4.3.1	Kewangan	96
4.3.2	Bengkel	100
4.3.2.1	Kemudahan Bengkel	100
4.3.2.1	Pengurusan Bengkel, Fail dan Pembelian Bahan Pengajaran	103
4.3.3	Kelulusan Pusat Bertauliah Cawangan	105
4.5	Penutup	107

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	109
5.1	Perbincangan	110
5.1.1	Pengetahuan dan Kemahiran Guru Terhadap Pengajaran dan Penilaian PVMA	110
5.1.1.1	Pengetahuan Isi Kandungan	111
5.1.1.2	Pengetahuan Pedagogi	112
5.1.1.3	Pengetahuan Matlamat PVMA	113

5.1.1.4 Pengetahuan Kurikulum PVMA	114
5.1.1.5 Pengetahuan Tentang Pelajar	115
5.1.1.6 Pengetahuan Isi Kandungan Pedagogi	116
5.1.1.7 Kemahiran Mengajar Guru PVMA	118
5.1.1.8 Kemahiran Pemudah Cara	121
5.1.1.9 Kemahiran Teknologi Maklumat	122
5.1.1.10 Kemahiran Belajar Guru PVMA	123
5.1.2 Peranan Guru dalam Proses Pelaksanaan PVMA di Sekolah Menengah Harian	124
5.1.3 Masalah yang dihadapi Guru dalam Pelaksanaan PVMA di Sekolah Menengah Harian	127
5.1.3.1 Masalah Kewangan	127
5.1.3.2 Masalah Bengkel	128
5.1.3.3 Kelulusan Pusat Bertauliah Cawangan	131
5.2 Implikasi Kajian	132
5.3 Cadangan	133
5.3.1 Cadangan Guru	134
5.3.1.1 Mengkaji Peruntukan PCG PVMA	134
5.3.1.2 Menyediakan Personel dan Pusat Bertauliah	

Cawangan	135
5.3.1.3 Kerjasama dengan Industri Luar	136
5.3.2 Cadangan Kajian Akan Datang	137
5.3.2.1 Tahap Pengetahuan Isi Kandungan dan Kemahiran Amali Guru PVMA	138
5.3.2.2 Bantuan Geran Per Kapita (PCG)	138
5.4 Kesimpulan	139

RUJUKAN	145
----------------	-----

SENARAI JADUAL

Nombor Jadual	Muka Surat
2.1 Modul Kemahiran SKM dan Modul Akademik PVMA	31
2.2 Mata Pelajaran dan Kursus dalam Komponen PVMA	32
2.3 Penambahbaikan PVMA	36
2.4 Perbandingan Struktur Aliran Perdana Subjek MPV dan PVMA	38
2.5 Senarai Kursus PVMA yang Dilaksanakan dalam Fasa 1 PVMA	39
2.6 Pembahagian Peratus Markah Komponen Penilaian SKM	
Tahap 1 dan SKM Tahap 2	41
4.1 Pengetahuan dan Kemahiran Guru PVMA	72



SENARAI RAJAH

Nombor Rajah

Muka Surat

1.1	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan diadaptasi dari Shulman (1987)	13
3.1	Analisis Data dalam Kajian Kualitatif diadaptasi dari Creswell	68





SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan Temu Bual
- B Senarai Dokumen
- C Senarai Semak Pemerhatian Bengkel
- D Contoh Skrip Temu Bual
- E Senarai Responden
- F Surat Persetujuan Responden Kajian
- G Foto Bengkel PVMA Penyediaan Makanan





SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BI	Bahasa Inggeris
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional
CBTA	<i>Competency-Based-Training and Assessment</i>
CU	<i>Competency Unit / Unit Kompetensi UNESCO</i> <i>The United Nations</i> <i>Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
ECS	<i>Education Commission of the States</i>
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPP	Jawatankuasa Perancangan Pendidikan
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional





MPAK	Mata Pelajaran Aliran Kemahiran
MPAV	Mata pelajaran Aliran Vokasional
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
NASDA	<i>National Skills Development Act</i> (Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan)
NOSS	<i>National Occupational Skill Standard</i>
OLE	<i>Implementation of Other Learning Experiences</i>
PAV	Program Asas Vokasional
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PC	Penyata Pencapaian (<i>Partial Certification</i>)
PCG	Bantuan Geran Per Kapita
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPT	Penilaian Pencapaian Terdahulu
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
PVMA	Program Vokasional Menengah Atas
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia



SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPVM	Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia
TEVT	Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
WIM	<i>Written Instructional Materials</i>



BAB 1

PENGENALAN



1.0 Pendahuluan

The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) mentakrifkan pendidikan teknikal dan vokasional sebagai aspek proses pendidikan yang melibatkan kajian teknologi dan sains yang berkaitan, pemerolehan kemahiran praktikal, sikap, kefahaman dan pengetahuan yang berkaitan dengan pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial, sebagai tambahan kepada pendidikan umum (UNESCO, 2017).





Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) diwujudkan bagi menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi, kebolehpasaran dan kebolehverjaan agar sentiasa relevan dalam membantu menyokong pembangunan ekonomi negara serta menyediakan akses dan ekuiti pendidikan kepada semua murid (KPM, 2012a). Pernyataan dasar PTV menggariskan tiga dasar PTV iaitu memastikan murid yang berminat dalam bidang teknik dan vokasional terus berada dalam sistem persekolahan; memastikan penyediaan lebih ramai tenaga kerja yang berkeayakan, fleksibel, berfikiran kreatif, mahir dan terlatih serta mempunyai nilai murni bagi memenuhi keperluan perindustrian dan pemodenan negara; dan memastikan sistem PTV diperkukuh supaya relevan dengan pembangunan ekonomi semasa negara (KPM, 2012a).



1.1 Latar Belakang Masalah

Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha merekayasa kurikulum, institusi, pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran, tadbir urus dan sumber manusia sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang berupaya:

- i. berfungsi dengan cekap dan berkesan sebagai jentera pendidikan untuk kecemerlangan kerjaya modal insan sama ada sebagai pekerja mahir mahupun sebagai usahawan berdaya saing dan berwatak profesional;
- ii. menggembeng sumber dalaman dan luaran untuk menyampaikan perkhidmatan pendidikan dan latihan vokasional yang berkualiti tinggi ke arah memenuhi keperluan individu pelajar, masyarakat moden, industri





berasaskan pengetahuan dan negara yang sedang melonjak ke tahap negara maju berpendapatan tinggi;

- iii. menggerakkan sumber manusia yang berupaya menjadi modal insan yang berilmu, berkemahiran dan berkelayakan yang diiktiraf oleh industri serta tinggi kebolehkerjaannya;
- iv. mendorong tenaga profesional menghasilkan modal insan yang menghayati budaya pembelajaran sepanjang hayat.

(KPM, 2011a, h.11)

Selain pendekatan merekayasa sistem dan komponennya yang sedia ada, inisiatif transformasi ini adalah untuk mencari pendekatan terbaharu dalam menangani cabaran dan perubahan seterusnya meneroka peluang dan merintis kolaborasi dengan memanfaatkan sumber dan kekuatan yang sedia ada. Proses merekayasa tersebut dilaksanakan menerusi lima inisiatif strategik sebagaimana yang terkandung dalam pelan tindakan strategik transformasi pendidikan vokasional iaitu (i) transformasi kurikulum pendidikan vokasional, (ii) transformasi institusi pendidikan vokasional, (iii) kolaborasi dengan industri, (iv) transformasi pentaksiran pendidikan vokasional dan (v) transformasi organisasi pendidikan vokasional (KPM, 2011a).

Penambahbaikan yang dibuat dalam sistem vokasional dilihat dapat memberi peluang kepada lebih ramai rakyat di Malaysia dan ia merupakan satu akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam bidang ekonomi (KPM, 2012c). KPM telah mengambil pelbagai langkah dan usaha bagi memastikan TVET dapat





memenuhi keperluan negara dan memenuhi pasaran kerja yang memerlukan tenaga kerja mahir. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020), lima buah Kolej Vokasional baharu akan dibina. KPM turut melaksanakan pelbagai program melibatkan pelajar-pelajar dalam aliran perdana termasuklah Program Asas Vokasional (PAV) yang melibatkan 85 buah sekolah. Pelajar PAV akan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan 2. Bilangan pelajar yang telah memperoleh SKM Tahap 1 ialah seramai 114 orang manakala 202 orang pelajar memperoleh SKM Tahap 2 yang melibatkan 12 bidang kemahiran. Untuk menambah lagi bilangan pelajar KV, BPTV telah mula memperkenalkan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) di 404 buah sekolah mulai tahun 2016. Menurut Pengarah BPTV KPM iaitu Zalihar Abd. Ghani, seramai 10, 100 orang pelajar telah menyertai program itu dengan pendedahan kepada pendidikan kemahiran yang ditawarkan



(Nurul Faiqah, 2015).

Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) merupakan satu program yang telah dirangka untuk memperkasakan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) dengan beberapa penambahbaikan. Matlamat PVMA adalah untuk menyediakan peluang kepada murid lepasan Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) menjadi modal insan berkemahiran bekerja dan bersedia melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (BPK, 2015).

Objektif PVMA adalah untuk menjadikan aliran pendidikan vokasional sebagai pilihan selain daripada aliran perdana yang sedia ada. Objektif ini bersesuaian dengan murid berisiko untuk tercicir, agar dapat menimbulkan minat





belajar berterusan terutama dalam bidang kerja tangan (BPK, 2015). PVMA dilihat mampu menggilap potensi belajar melalui kurikulum yang dapat memberikan kemahiran generik asas dan kemahiran spesifik pekerjaan. Kemahiran ini, yang memang dituntut oleh majikan dan industri, akan menjadi kemahiran yang menjadi asas kepada pembentukan sahsiah dan pembangunan karakter yang mantap. PVMA turut menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran pekerjaan serta memberikan pendedahan dan bimbingan agar mereka kritis, kreatif dan inovatif. Melalui aktiviti yang menarik dan berkesan, murid dapat belajar membuat keputusan dan mengembangkan kompetensi keusahawanan serta menjana budaya niaga.

Kurikulum PVMA menggunakan konsep Kurikulum Berasaskan Kompetensi



yang membenarkan murid mengulang semula kompetensi yang belum dicapai sehingga murid PVMA kompeten sesuatu kemahiran yang diperlukan oleh Kriteria Pencapaian. Kurikulum PVMA digubal dalam bentuk pernyataan Standard kandungan, Standard Pembelajaran dan Kriteria Pencapaian yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dikenal pasti perlu dikuasai oleh murid (BPK, 2015). PVMA memberi laluan pembelajaran ke peringkat kemahiran lebih tinggi. Pensijilan kemahiran PVMA diiktiraf. Pada akhir pengajian tingkatan 5 murid-murid akan menerima sijil SPM, pernyataan Matematik dan SKM 1 atau SKM 2 (KPM, 2015).

SKM adalah persijilan yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia bagi program kemahiran yang ditawarkan oleh Penyedia Latihan atau Pusat Bertauliah terpilih sama ada awam





ataupun swasta yang akur kepada Akta 652 iaitu Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 atau dikenali sebagai *National Skills Development Act* (NASDA) (Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia). Akta NASDA 652 Bahagian ke VI menyatakan bahawa SKM Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3, Tahap 4, Tahap 5 dan *Partial Certification* (PC) adalah pensijilan kemahiran tunggal kebangsaan diiktiraf oleh kerajaan. SKM, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) merupakan kelayakan yang diberikan setelah individu mencapai hasil pembelajaran atau kompetensi yang ditetapkan bagi sesuatu program dan mencapai jumlah kredit kemahiran yang ditetapkan. PC adalah kelayakan yang diberikan setelah individu tersebut mencapai hasil pembelajaran atau kompetensi modul tertentu. Latihan akan dilaksanakan mengikut turutan tahap iaitu dari tahap rendah hingga tahap yang lebih tinggi yang akan membawa kepada penganugerahan sijil (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2012).

Penambahbaikan MPV kepada PVMA melibatkan banyak perubahan dan pembaharuan. Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaauliah akan diberikan kepada personel Pusat Bertauliah yang memenuhi kriteria dan syarat pelantikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Sekolah merupakan Pusat Bertauliah di mana ia adalah tempat kursus yang dijalankan. Bengkel MPV sedia ada perlu di naik taraf bagi merealisasikan program ini. Pegawai Penilai adalah dilantik dari kalangan guru yang mengajar dan membuat pentaksiran. Majoriti guru-guru ini tidak mempunyai kelayakan yang cukup untuk dilantik sebagai Pegawai Penilai. Pegawai Penilai mestilah dilantik dalam kalangan guru yang mempunyai SKM 1 dan





SKM 2. Menurut Timbalan Pengarah Pembangunan Kejurulatihan PTV, Mohamad Samad, KPM menyasarkan semua 404 orang guru di seluruh negara ditauliahkan SKM 1 dan SKM 2 menjelang akhir tahun 2015 (Berita Harian, 7 Oktober 2015). Kira-kira 300 orang guru PVMA iaitu 75% daripada keseluruhannya telah ditauliahkan dengan SKM 1 dan SKM 2 (Berita Harian, 7 Oktober 2015). BPTV bertanggungjawab memastikan guru-guru dibimbing sehingga mencapai SKM Tahap 1 dan 2 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia. Seramai enam dari dua belas orang guru PVMA di Daerah Manjung tidak mempunyai SKM 1 dan SKM 2 (BPTV, 2017). Oleh itu, guru berperanan untuk menghadiri kursus bagi melayakkan guru mencapai SKM 1 dan SKM 2.



Pelaksanaan PVMA merupakan transformasi pendidikan teknik dan vokasional iaitu perubahan MPV kepada PVMA di sekolah menengah harian terpilih. Transformasi dalam pendidikan sentiasa berlaku dan tidak berhenti (Fullan, 1993). Transformasi dalam pendidikan berlaku bersesuaian dengan perkembangan dan keperluan semasa. Transformasi MPV kepada PVMA adalah sejajar dengan Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011 hingga 2020 iaitu mengarusperdanakan pendidikan vokasional (KPM, 2012b).

Sehubungan itu, transformasi pendidikan vokasional menjurus kepada mencungkil bakat serta mengembangkan potensi murid mengikut keupayaan dan minat melalui penekanan bidang vokasional yang menjadi permintaan di pasaran kerja pada masa ini. Pengarusperdanaan pendidikan vokasional mampu menjanakan bakat-bakat yang kreatif dan inovatif serta membantu ke





arah mempercepat proses melahirkan tenaga kerja mahir yang mempunyai nilai-nilai insaniah, kebolehpasaran dan kemahiran yang mencapai standard dunia.

(KPM,2012b)

1.2 Pernyataan Masalah

Transformasi dalam pendidikan melibatkan tiga fasa yang utama iaitu permulaan, pelaksanaan dan penerusan (Fullan, 2007, h. 65). Pelaksanaan amat penting lantaran sifatnya sebagai alat untuk mencapai objektif yang diinginkan (Fullan, 2011, h. 94). Menurut Ornstein dan Hunkins (2009, h. 253), pelaksanaan sebagai bahagian yang penting dalam pembangunan kurikulum, membawa ke dalam perubahan realiti yang dijangkakan. Potensi kejayaan perubahan adalah bergantung pada kualiti perubahan dalam amalan pendidikan.

Guru-guru yang dipilih untuk melaksanakan PVMA ialah guru yang mengajar subjek MPV dan KHB di sekolah yang terlibat. Terdapat guru PVMA bukan dari opsyen dominan dan pengkhususan yang berkaitan dengan bidang PVMA yang dijalankan di sekolah-sekolah di Daerah Manjung (BPTV, 2017). Guru-guru ini tidak mempunyai SKM, kurang berpengetahuan dan kurang kemahiran dalam subjek PVMA yang diajar. Guru-guru bukan opsyen ini memerlukan bimbingan dan latihan berkaitan subjek PVMA yang diajar. Menurut Siti Syahirah (2011), tidak semua





guru-guru Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) khususnya di sekolah vokasional mempunyai pengalaman secara langsung dalam bidang kemahiran ekoran memiliki sejarah latar belakang akademik yang berbeza. Terdapat di antara mereka yang sememangnya berasal dari sekolah vokasional dan ada juga yang bermula dari sekolah harian biasa. Pelaksanaan PVMA ini merupakan satu cabaran yang besar bagi guru-guru terbabit, justeru, satu kajian dilakukan bagi mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran guru PVMA, peranan guru PVMA dalam pelaksanaan PVMA dan masalah yang di hadapi oleh guru PVMA di sekolah.

Guru mesti mengenal pasti peranannya dalam proses perubahan (Day, 1999).

Guru mesti dilihat sebagai peserta penuh dalam pelaksanaan kurikulum, bukan penerima yang pasif (Ornstein & Hunkins, 2009). Justeru, kajian juga dilakukan bagi mengenal pasti peranan guru PVMA selain menyampaikan pengajaran. Hal ini adalah kerana PVMA adalah program baharu. Guru berperanan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Guru juga berperanan dalam pemilihan pelajar. Pemilihan pelajar perlu dilakukan berdasarkan kriteria tertentu. Bilangan pelajar PVMA juga terhad untuk penggunaan satu bengkel PVMA sahaja. Guru perlu jelas dengan kriteria pemilihan pelajar PVMA. Oleh itu, guru perlu jelas dengan matlamat pelaksanaan PVMA. Bengkel PVMA sedia ada kurang kelengkapan dan kemudahan. Bengkel perlu dinaik taraf. Kebanyakan bengkel juga tidak disediakan pembantu bengkel. Guru memainkan peranan dalam pengurusan bengkel. Guru perlu diberi bimbingan pengurusan dan penyenggaraan bengkel. Pembantu bengkel juga wajar disediakan di setiap bengkel PVMA.



Menurut Day (1999), guru bukan sahaja penerima perubahan dasar yang dimulakan dari luar sekolah, tetapi diri mereka sendiri juga merupakan individu yang memainkan peranan utama dalam perubahan. Guru menjalankan pengajaran di dalam bilik darjah berdasarkan kurikulum baru yang ditetapkan. Pelaksanaan PVMA melibatkan perubahan silibus, penilaian dan pentaksiran, bahan pengajaran dan kefahaman guru tentang mata pelajaran baru iaitu PVMA. Pelaksanaan yang berkesan mengandungi perubahan dalam bahan kurikulum, amalan dan tingkah laku pengajaran, dan kepercayaan dan kefahaman guru dalam melaksanakan perubahan (Fullan & Hangreaves, 1992, h. 1). Seajar dengan perkara ini, guru perlu berusaha untuk meningkatkan pengetahuan tentang PVMA. Guru sepatutnya memainkan peranan utama dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian kurikulum (Ornstein & Hunkins, 2009, h. 25).



Terdapat sekurang-kurangnya tiga dimensi apabila melaksanakan mana-mana program atau dasar yang baharu : (1) kemungkinan menggunakan bahan baharu atau semakan semula (sumber pengajaran seperti bahan kurikulum atau teknologi), (2) kemungkinan menggunakan pendekatan mengajar yang baharu (iaitu strategi atau aktiviti pengajaran yang baharu), dan (3) kemungkinan mengubah kepercayaan (misalnya andaian dan teori pedagogi yang mendasari dasar atau program baharu ang tertentu).

(Fullan, 2011, h.32)





Guru perlu bersedia untuk melaksanakan perubahan MPV kepada PVMA yang selalunya mengandungi perubahan dalam kepercayaan, bahan-bahan dan pendekatan pengajaran (Fullan, 2007). Guru PVMA perlu menyertai bengkel latihan kemahiran untuk membantu guru dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Secara tidak langsung ia juga memberi peluang kepada guru untuk berkongsi idea dan pengetahuan dalam melaksanakan PVMA. Bilik darjah dan sekolah akan menjadi efektif apabila orang yang berkualiti diambil untuk pengajaran Fullan (2007). Justeru, guru perlu berpengetahuan dan berkemahiran untuk melaksanakan PVMA.

Banyak kajian telah dijalankan berkenaan peranan guru dalam menghadapi perubahan dalam pendidikan. Guru perlu bersedia menghadapi perubahan. Guru perlu meningkatkan keupayaan mengajar mata pelajaran baharu dan meningkatkan pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran baharu. Guru perlu mempertingkatkan keupayaan mereka untuk menghadapi perubahan (Fullan, 2011). Guru berperanan untuk meningkatkan pengetahuan bagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran PVMA ini. Seramai tujuh orang guru mengajar PVMA di sekolah menengah harian di Daerah Manjung ditemubual. Dari bilangan tersebut, dua orang guru PVMA mempunyai kelayakan opsyen dominan berkaitan dengan bidang PVMA yang dijalankan di sekolah di Daerah Manjung (BPTV, 2017). Perlantikan guru PVMA dalam kalangan guru bukan opsyen membuatkan guru terpaksa mengajar luar bidang pengetahuan dan kemahiran guru. Justeru, guru perlu memainkan peranan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.





1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

- i. mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pengajaran dan penilaian PVMA.
- ii. mengenal pasti peranan guru dalam proses pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian.
- iii. mengenal pasti masalah lain yang dihadapi guru dalam pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian.

1.4 Persoalan Kajian




Berdasarkan objektif kajian di atas, beberapa persoalan diketengahkan seperti berikut :

- i. Apakah pengetahuan dan kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru dalam pengajaran dan penilaian PVMA?
- ii. Apakah peranan guru dalam proses pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian?
- iii. Apakah masalah yang dihadapi guru dalam pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian?



1.5 Kerangka Teoretikal



Rajah 1.1: Pengetahuan Isi Kandungan Pedagogi diadaptasi dari Shulman (1987).

Pengetahuan Isi Kandungan Pedagogi (PIKP) merupakan sejenis pengetahuan yang unik bagi seseorang guru untuk mengaitkan pengetahuan pedagogi iaitu pengetahuan tentang cara mengajar yang dimiliki dengan pengetahuan isi kandungan iaitu apa yang perlu diajar. Integrasi kedua-dua jenis pengetahuan tersebut menghasilkan pengetahuan isi kandungan pedagogi (Shulman, 1987). Seseorang guru harus mempunyai PIKP yang baik bagi menghadapi pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kebolehan yang berbeza di dalam bilik darjah. PIKP merujuk kepada cara bagaimana guru menyampaikan isi kandungan agar mudah difahami serta dapat menggalakkan kefahaman konseptual pelajar terhadap apa-apa yang dipelajari. Menurut Shulman (1987), guru-guru akan menggunakan PIKP untuk membuat analogi, metafora, memberi contoh, membuat pelbagai aktiviti dan tunjuk cara bagi membantu kejayaan pelajar.



Guru PVMA seharusnya mempunyai teras pengetahuan yang baik untuk memainkan peranan utama dalam pelaksanaan PVMA. Penguasaan isi kandungan PVMA akan membantu guru mengajar dengan berkesan dan meningkatkan kefahaman murid. Selain itu, guru juga perlu mempunyai pengetahuan pedagogi dalam menentukan pendekatan dan kaedah pengajaran semasa mengajar PVMA. Menurut Shulman (1987), guru yang menguasai PIKP sepatutnya berupaya mengolah isi pelajaran dan merancang pendekatan terbaik berdasarkan latar belakang pelajarnya. Shulman (1987) menggariskan tujuh kategori teras pengetahuan guru iaitu:

- i. pengetahuan isi kandungan
- ii. pengetahuan pedagogi
- iii. pengetahuan kurikulum
- iv. pengetahuan isi kandungan pedagogi
- v. pengetahuan pelajar
- vi. pengetahuan konteks pendidikan
- vii. pengetahuan matlamat pendidikan

Daripada tujuh kategori tersebut, pengetahuan isi kandungan pedagogi adalah pengetahuan yang istimewa kerana ia merangkumi keseluruhan pengetahuan untuk mengajar (Shulman, 1987). PIKP adalah kategori yang membezakan pemahaman isi kandungan para pendidik. Dalam kajian ini, penyelidik melihat pengetahuan isi kandungan pedagogi merupakan teras yang penting perlu dimiliki oleh guru PVMA dalam melaksanakan PVMA di sekolah. Kefahaman dan pengetahuan guru PVMA tentang isi kandungan PVMA akan membantu guru mencari strategi yang sesuai





untuk meningkatkan kefahaman pelajar. Seorang guru yang mempunyai PIKP akan meningkatkan keberkesanan pengajarannya (Shulman, 1987). Dalam erti kata lain guru juga perlu berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menguasai isi kandungan PVMA.

Guru membangunkan PIKP melalui perubahan apa yang mereka tahu tentang mata pelajaran ke dalam cara apa yang murid mereka boleh faham. Menurut Shulman (1987), transformasi mengandungi empat proses iaitu penyediaan, penyampaian, pemilihan dan penyesuaian.

i. Proses penyediaan



Fokus kepada menganalisis petikan dan bahan pengajaran lain dan menyelidik tujuan pendidikan seperti kurikulum, sekolah atau guru.

ii. Proses penyampaian

Guru mula melihat cara untuk menyampaikan idea dalam memindahkan apa yang mereka tahu tentang isi kandungan.

iii. Proses pemilihan

Merujuk kepada pemilihan guru tentang kaedah pendidikan untuk menyampaikan idea kepada murid termasuklah syarahan, kerja kumpulan, projek dan penemuan pembelajaran.





iv. Proses penyesuaian

Mengandung cara di mana guru dapat menyesuaikan aktiviti dengan keperluan murid, membuat keputusan berasaskan abiliti, budaya, pengetahuan sedia ada, kemahiran dan faktor penting yang lain.

PIKP boleh bermula apabila guru belajar tentang mengajar. PIKP dibangunkan dalam banyak cara. PIKP boleh dibangunkan dalam memikir tentang gaya penyampaian yang pelbagai untuk menjadikan murid faham, dalam mencari apa yang perlu ada dalam mereka bentuk dan melaksanakan tugas, dan dalam mengenali kepentingan murid dari topik yang kecil kepada yang lebih besar. PIKP menumpukan perhatian kepada cara guru menjadikan pengetahuan isi kandungan guru diterima oleh murid. Pengetahuan guru tentang isi kandungan sangat penting dalam penyampaian pengajaran. Guru perlu mencari kaedah penyampaian yang sesuai agar pengetahuan guru tentang isi kandungan mata pelajaran berkenaan dapat diterima dan difahami murid.

Asas pengetahuan guru mesti fleksibel dan di bawah pembangunan berterusan. Guru mesti dapat menggunakan asas pengetahuan mereka untuk membuat keputusan yang munasabah. Mengajar menjadi proses yang lebih penting. Guru mencari idea dan berusaha untuk meletakkannya dalam rangka kerja. Guru mengasah idea dalam cara baru yang akan membuatkan murid lebih memahami idea tersebut. Dalam keadaan ini, fokus mengajar pada interaksi guru dengan idea dan bagaimana idea tersebut ditukarkan dalam cara yang murid akan dapat memahaminya. Dalam erti





kata lain, dengan memberi perhatian kepada PIKP guru. PIKP juga merangkumi pemahaman tentang apa yang menjadikan pembelajaran sesuatu topik itu mudah atau sukar (Shulman, 1986).

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat membantu guru, pihak sekolah dan KPM bagi melaksanakan PVMA dengan berkesan seterusnya memperbaiki kelemahan yang dikesan dalam pelaksanaan PVMA di sekolah.



1.6.1 Guru

Kajian yang dilakukan secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada guru-guru mengenai kepentingan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PVMA di sekolah. Secara tidak langsung guru-guru akan lebih bersedia dari semua aspek sama ada pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PVMA. Hasil dari kajian ini akan dapat membantu guru menjadikan pelaksanaan PVMA lebih berkesan.



1.6.2 Pentadbiran sekolah

Penyelidik berharap melalui kajian yang akan dijalankan ini, pihak sekolah dapat menilai dan menjana usaha ke arah keberkesanan pelaksanaan subjek PVMA di sekolah masing-masing. Selain itu, pihak sekolah dapat mengenal pasti sejauh manakah persediaan guru-guru dalam pelaksanaan PVMA. Pihak sekolah juga dapat mengenal pasti apakah peranan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru tersebut dalam pelaksanaan program ini. Pihak sekolah seharusnya perlu menyediakan bengkel PVMA yang dilengkapi dengan segala kemudahan dan peralatan yang diperlukan sebagai sokongan kepada pelaksanaan PVMA.

1.6.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Maklumat yang diperoleh hasil daripada kajian ini akan dapat membantu pihak tertentu terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia dalam penyelesaian kepada masalah pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia dapat memantau sejauh mana tahap permasalahan dari segi kemudahan dan kelengkapan bengkel dan persediaan guru dalam pelaksanaan tersebut. Justeru itu, pihak KPM dapat mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan mutu pengetahuan dan kemahiran guru dan kejayaan program ini. KPM perlu memastikan sekolah yang memohon dipilih untuk pelaksanaan PVMA memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan agar tidak ada masalah di kemudian hari.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas pada guru PVMA di empat buah sekolah menengah harian di daerah Manjung iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Pangkor, Sekolah Menengah Raja Shariman, Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Remis dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Manjung yang melaksanakan PVMA pada tahun 2016. Kajian ini memfokuskan guru sebagai faktor yang mempengaruhi pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti peranan guru dalam proses pelaksanaan PVMA di sekolah menengah harian.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Guru

Guru mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) ialah orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Mok Soon Sang (2002) pula berpendapat bahawa guru adalah seorang ahli masyarakat yang mempunyai hubungan sosial yang saling berkait dengan masyarakat dan peranan ekonomi yang berstatus. Seorang tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan dipertanggungjawabkan untuk mendidik murid-murid sekolah. Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), guru merujuk kepada seseorang yang:

a) mengajar murid di sesebuah institusi pendidikan



b) Menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan bagi atau melalui pusat pendidikan jarak jauh

Dalam konteks kajian ini, guru merujuk kepada guru yang mengajar PVMA di sekolah menengah harian yang terpilih untuk melaksanakan PVMA.

1.8.2 Peranan Guru

Peranan yang dimainkan oleh guru di sesebuah sekolah amat penting terutama dari segi menjadikan aspirasi dan matlamat sekolah menjadi kenyataan (Kamarudin & Siti Hajar, 2004). Dalam konteks kajian ini peranan guru merujuk kepada peranan dan tugas yang dimainkan oleh guru dalam melaksanakan PVMA. Selain menyampaikan pengajaran, guru berperanan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan memastikan pelaksanaan PVMA berjalan lancar dengan memilih pelajar PVMA, menguruskan bengkel dan mencari alternatif penyelesaian masalah yang dihadapi.





1.8.3 Pengetahuan Isi Kandungan

Menurut Shulman (1987), pengetahuan isi kandungan ialah pengetahuan apa yang perlu diajar. Guru perlu tahu apa yang perlu disampaikan kepada pelajar. Pengetahuan isi kandungan sesuatu mata pelajaran penting untuk dikuasai oleh guru agar pengajaran menjadi bermakna dan objektif sesuatu topik pengajaran tercapai.

1.8.4 Pengetahuan Pedagogi

Menurut Shulman (1987), pengetahuan pedagogi ialah pengetahuan tentang cara mengajar yang dimiliki dengan pengetahuan isi kandungan iaitu apa yang perlu diajar. Guru perlu tahu cara untuk menyampaikan pengetahuan isi kandungan mengikut kebolehan pelajar dan aras kesukaran topik isi kandungan.

1.8.5 Pengetahuan Isi Kandungan Pedagogi

Menurut Shulman (1987), pengetahuan isi kandungan pedagogi terhasil daripada integrasi pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi. Ia adalah pengetahuan unik yang perlu dikuasai guru. Menurut Shulman (1987), guru yang





menguasai PIKP sepatutnya berupaya mengolah isi pelajaran dan merancang pendekatan terbaik berdasarkan latar belakang pelajarnya.

1.9 Rumusan

Salah satu langkah yang dijalankan oleh KPM dalam menjayakan transformasi pendidikan vokasional ialah perubahan mata pelajaran MPV kepada PVMA yang mula dilaksanakan di sekolah menengah harian pada 2016. Guru dilihat sebagai pelaksana dasar yang membantu dalam menjayakan pelaksanaan program baharu ini. Oleh itu, guru seharusnya memainkan pelbagai peranan dan bersedia untuk

melaksanakan PVMA.



Kajian ini menjadikan teori yang dibangunkan oleh Shulman (1987) sebagai dasar. Shulman (1987) menggariskan tujuh teras pengetahuan yang perlu dimiliki guru iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan kurikulum, pengetahuan isi kandungan pedagogi, pengetahuan pelajar, pengetahuan konteks pendidikan dan pengetahuan matlamat pendidikan. Daripada tujuh pengetahuan ini, pengetahuan pedagogi isi kandungan adalah satu pengetahuan yang unik di mana jika ia dikuasai oleh seseorang guru, ianya dapat membantu guru dalam keberkesanan pengajaran. Kajian ini cuba meneroka pengetahuan yang dimiliki oleh guru PVMA dalam pelaksanaannya. Dalam bab seterusnya, penyelidik membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan PVMA. Bab seterusnya juga mengandungi sorotan kajian





mengenai kepentingan PIKP dan peranan guru dalam pelaksanaan program baharu pendidikan.

